



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS MUZIK DAN MAKNA SIMBOLIK
DALAM GONDANG BUROGONG DI PASIR
PENGARAIAN KABUPATEN ROKAN
HULU PROVINSI RIAU
INDONESIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ARMANSYAH ANWAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS MUZIK DAN MAKNA SIMBOLIK DALAM GONDANG
BUROGONG DI PASIR PENGARAIAN KABUPATEN ROKAN
HULU PROVINSI RIAU INDONESIA**

ARMANSYAH ANWAR

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 23 (hari bulan) APRIL (bulan) 2024.

i. Perakuan pelajar :

Saya, Armansyah Anwar, Pa0162002584, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Analisis Muzik dan Makna Simbolik dalam Gondang Burugong di Pasir Pengaraian Kabupaten Rokan Hulu Provinsi Riau Indonesia

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, MOHD HASSAN BIN ABDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS MUZIK DAN MAKNA SIMBOLIK DALAM GONDANG BURUGONG DI PASIR PENGARAIAN KABUPATEN ROKAN HULU PROVINSI RIAU INDONESIA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

(SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

21/11/2024

Tarikh


Tandatangan Penyelia

Profesor Dr. Mohd Hassan Abdullah
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

Analisis Muzik dan Makna Simbolik Dalam Gondang
Burogong di Pasir Pengaraian Kabupaten Plokan Hulu
Provinsi Riau Indonesia

No. Matrik / Matric's No.:

P20162000584

Saya / I:

Armansyah Anwar

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 11 November 2024

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Profesor Dr. Mohd Hassan Abdullah

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

55900 Tanjong Malu, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dibuatkan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya juga penulisan disertasi ini dapat pula diselesaikan. Sholawat beriring salam ke atas junjungan Nabi Besar Muhammad Shalallahu Alaihi Wassalam, atas pencerahan yang telah diajarkannya kepada kita semua sehinggalah ianya telah menjadi suluh dalam kegelapan.

Ucapan terimakasih sekalung budi penyelidik sampaikan kepada Prof. Dr. Mohd. Hassan Abdullah yang telah sudi kiranya menjadi penyelia dalam penyelidik menjalankan penyelidikan ini. Beliau telahpun memberikan penyeliaan, motivasi, dan pengertian yang teramat sungguh kepada penyelidik untuk menyelesaikan disertasi ini. Tanpa itu semua, tentulah penyelidik akan mendapatkan pelbagai kesukaran untuk menyelesaikan kajian ini.

Selain itu pula, penyelidik turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Muhammad Fazli Taib Saearani selaku dekan pada Fakulti Muzik dan Seni Persembahan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau juga banyak memberikan sokongan bagi penyelidik dalam menyelesaikan penulisan kajian ini. Tentunya penguji dan rakan rakan yang tidak dapat penyelidik sebutkan satu per satu, juga diucapkan terima kasih atas budi baik tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Teristimewa sekali untuk istri, anak-anak, dan saudara mara penyelidik juga diucapkan terima kasih atas segala pengertian dan kesabarannya sepanjang penyelidik dalam masa studi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Teramat istimewa tentunya penyelidikan sampaikan kepada kedua orang tua iaitu ayahanda Allahyarhan Anwar Bin Abdul Rahman dan ibunda Rosna Binti Saleh. Kalianlah orang yang paling berjasa atas segala hal yang telah penyelidik capai. Atas ridho Allah dan restu mereka berdua sehingga penyelidik boleh menyelesaikan pendidikan di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan UPSI ini.

Dengan adanya penulisan berkenaan gondang burogong ini, harapan penyelidik dapat mengambil bahagian untuk mengisi kekosongan literatur daripada muatan lokal khususnya yang berkaitan dengan seni muzik yang ada di Provinsi Riau. Permasalahan ini sememangnya telah menjadi realiti sehingga kini yang juga perlu mendapat perhatian serius daripada pelbagai pihak yang berkepentingan. Agar khasanah budaya bangsa yang mulia ini tidak hilang ditelan zaman.

Harapan seterusnya juga penulis sampaikan kepada semua pembaca, agar dapat memahami muzik tradisional gondang burogong ini sebagai salah satu kesenian yang nota bene telah wujud dan ikut memperkaya khasanah budaya itu sendiri. Akhir kata, kritikan serta saranan daripada semua pembaca untuk penambahbaikan yang lebih baik tentunya amat diharapkan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan mana-mana hal yang ada hubung kaitnya dengan aspek analisis muzik daripada gondang burogong. Di antaranya iaitu menjelaskan bentuk muzik, bentuk melodi, bentuk harmoni, bentuk ritma, *two voice counterpoint*, dan hal lainnya. Namun dalam pada itu, dijelaskan pula perihal yang berkaitan dengan aspek organologi daripada instrumen yang digunapakai dalam gondang burogong tersebut. Selain itu pula, diuraikan juga berkaitan dengan makna simbolik daripada gondang burogong sama ada dalam masyarakat Melayu Pasir Pengaraian khususnya, mahupun dalam masyarakat Rokan Hulu amnya. Adapun teori yang digunakan untuk perbahasan yang berkaitan dengan perkara konteks muzikal dalam penyelidikan ini iaitu sepertimana yang dinyatakan oleh Alan P. Merriam, John E. Kaemmer, dan Geertz. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan teori muzikologi, etnomuzikologi, dan fenomenologi di dalam mendapatkan mahupun menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan, bahawa terdapat pelbagai keunikan dari aspek muzik dalam karya Senayong yang menjadi sampel penyelidikan ini. Di antara keunikan tersebut iaitu pentingnya pola permainan *interlocking* dan *ostinato* dalam memainkan karya gondang burogong yang masih dalam bentuk aslinya. Dua hal ini telah berperanan untuk menjaga keutuhan dari setiap karya gondang burogong dalam pelbagai fungsinya. Sama ada fungsinya sebagai hiburan, mahupun penyokong kegiatan seni budaya lainnya. Sedangkan berkaitan dengan makna simbolik, gondang burogong telah menjadi identiti bagi masyarakat Melayu Rokan Hulu di manapun mereka berada. Perihal ini boleh dilihat bilamana mereka melaksanakan pelbagai kegiatan seni budaya, utama sekali pada kenduri perkahwinan. Dengan demikian dapatlah disimpulkan, bahawa keberadaan gondang burogong telah memberikan kontribusi yang nyata bagi masyarakat pemiliknya. Oleh itu, mestilah dipelihara dan dilestarikan agar pelbagai keunikan serta makna yang terkandung di dalamnya tidak hilang ditelan zaman.



ANALYSIS OF MUSIC AND SYMBOLIC MEANINGS IN GONDANG BUROGONG IN PASIR PENGARAIAAN ROKAN HULU DISTRICT RIAU PROVINCE INDONESIA

ABSTRACT

This study aims to describe aspects of gondang burogong music analysis. These include explaining musical form, melody, harmony, rhythm, two-voice counterpoint, and other things. However, the organological aspects of the instruments used in the gondang burogong are also explained. Apart from that, the symbolic meaning of gondang burogong is also explained to the Pasir Pengaraian Malay community in particular and the Rokan Hulu community in general. The theory used in discussions related to the musical context in this research is as stated by Alan P. Merriam, John E. Kaemmer, and Geertz. This research uses a qualitative approach that uses musicology, ethnomusicology, and phenomenology theories in obtaining and analyzing data. The results of the study show that there are various unique musical aspects in Senayong's works, which are the sample for this research. Among these unique features is the importance of interlocking and ostinato playing patterns in playing the gondang burogong repertoire, which is still in its original form. These two things have played a role in maintaining the integrity of each gondang burogong work in its various functions. Whether its function is as entertainment or as a supporter of other arts and cultural activities, gondang burogong has become an identity for the Rokan Hulu Malay people, wherever they are. This can be seen when they carry out various arts and culture activities, especially at wedding celebrations. Thus, it can be concluded that the existence of Gondang Burogong has made a real contribution to the community that owns it. Therefore, it should be maintained and preserved so that the various uniqueness and meanings contained therein are not lost to time.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI NOTASI	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	7
1.4 Soalan Kajian	12
1.5 Tujuan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Batasan Kajian	14



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Kajian Berkaitan Gondang Burogong	17
2.3	Kajian Berkaitan Analisis Muzik	21
2.4	Kajian Berkaitan Makna	23
2.5	Kerangka Teori	26
2.5.1	Teks Muzikal	26
2.5.1.1	Melodi	27
2.5.1.2	Ritma	29
2.5.1.3	Harmoni	31
2.5.1.4	Timbre	33
2.5.1.5	Bentuk	37
2.5.1.6	<i>Counterpoint</i>	39
2.5.2	Konteks Muzikal	41

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	49
3.2	Metode Penyelidikan	49
3.3	Subjek Kajian	54
3.4	Instrumen	55
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	56
3.5.1	Temu Bual	57
3.5.2	Pemerhatian	58
3.5.3	Dokumentasi	59
3.6	Kaedah/Teknik Menganalisis Data	60
3.7	Tempat dan Waktu Penyelidikan	62

BAB 4 TINJAUAN SINGKAT ETNOGRAFI

4.1	Pengenalan	63
4.2	Letak geografi dan Jumlah Penduduk	64
4.3	Sistem Lapisan Masyarakat	66
4.4	Agama dan Bahasa	69
4.5	Budaya	76
4.5.1	Adat Istiadat	76
4.5.2	Kesenian	83
4.5.2.1	Muzik	83
4.5.2.2	Tarian dan Silat	87
4.5.2.3	Tradisi Lisan	93

BAB 5 ANALISIS MUZIK (TEKS MUZIKAL)

5.1	Pengenalan	96
5.2	Organologi Gondang Burogong	100
5.2.1	Celempong	105
5.2.2	Gondang	113
5.2.3	Ogong	117
5.3	Analisis Muzik Gondang Burogong	126
5.3.1	Bentuk Muzik	135
5.3.1.1	Panjang Bentuk Unit Muzikal	136
5.3.1.2	Batasan Bentuk Unit Muzikal	140
5.3.2	Unsur Melodi dan Ritma	147
5.3.2.1	Posisi Temporal	161
5.3.2.2	Durasi dan/atau Frekuensi	163
5.3.2.3	Lokasi Kontur	165

5.3.2.4	Progresi Langkah	166
5.3.3	Unsur Harmoni	168
5.3.4	Unsur Timbre	177
5.3.5	Pola Permainan Rentak Bertingkah dan Pengulangan	180
BAB 6 MAKNA SIMBOLIK (KONTEKS MUZIKAL)		
6.1	Pengenalan	195
6.2	Makna Simbolik Gondang Burogong	197
6.2.1	Makna Simbolik Dilihat Dari Variabel Alat Muzik	202
6.2.2	Makna Simbolik Dilihat Dari Variabel Fungsi Dalam Kaitannya Dengan Aspek Budaya Lain	209
6.2.3	Makna Denotatif Gondang Burogong	219
6.2.3.1	Makna Denotatif Gondang Burogong Ditinjau Dari Variabel Elemen Pola Ritma dan Melodi	220
6.2.4	Makna Konotatif Gondang Burogong	226
6.2.4.1	Makna Konotatif Gondang Burogong Ditinjau Dari Aspek Makna Situasional	226
6.2.4.2	Makna Konotatif Gondang Burogong Ditinjau dari Aspek Analogi	231
BAB 7 PENUTUP		
7.1	Kesimpulan	238
7.2	Saranan	244
SENARAI RUJUKAN		246

SENARAI JADUAL

Nombor Jadual	Muka Surat
2.1 Nama-nama <i>interval</i> berdasarkan <i>major</i> , <i>minor</i> , dan lainnya	33
4.1 Jumlah dan sebaran penduduk Kabupaten Rokan Hulu	66
5.1 Penamaan <i>interval</i>	170
5.2 Nama <i>interval</i> yang digunakan pada motif melodi pertama	172
5.3 Nama <i>interval</i> yang digunakan pada motif melodi kedua	174
5.4 Nama <i>interval</i> yang digunakan pada motif melodi ketiga	175
5.5 Rekapitulasi nama <i>interval</i> yang digunakan pada ketiga-tiga motif melodi	176



SENARAI GAMBAR

Nombor Gambar	Muka Surat
2.1 Rajah relasi antara makna dan fungsi muzik dalam masyarakat	45
2.2 Rajah kerangka teori analisis makna simbolik	47
3.1 Peta Rokan Hulu dalam kawasan Provinsi Riau	62
4.1 Peta administrasi wilayah Kabupaten Rokan Hulu	65
5.1 Ahli kumpulan gondang burogong Kelinco	100
5.2 Instrumen muzik celempong, gondang, dan ogong	102
5.3 Instrumen muzik celempong	102
5.4 Instrumen muzik gondang	103
5.5 Instrumen muzik ogong	103
5.6 Sketsa ogong tanah	104
5.7 Instrumen muzik celempong dilihat dari pelbagai sisi	107
5.8 Ukuran instrumen muzik celempong	108
5.9 Rumah instrumen celempong dilihat dari pelbagai sisi	109
5.10 Pemukul (<i>penokok</i>) instrumen muzik celempong	110
5.11 Posisi instrumen celempong	110
5.12 Posisi pemain peningkah dan pemain pelalu pada instrumen celempong	112
5.13 Instrumen muzik gondang dan pemukul (<i>penokok</i>) rotan	114
5.14 Posisi pemain perempuan instrumen muzik gondang	115
5.15 Posisi pemain lelaki instrumen muzik gondang	116
5.16 Tiang instrumen muzik ogong	118



5.17	Ukuran instrumen muzik ogong	119
5.18	Ukuran tiang instrumen muzik ogong	120
5.19	Ukuran kutimba	122
5.20	Pemukul (<i>penokok</i>) ogong	123
5.21	Posisi duduk pemain ogong	124
5.22	Posisi berdiri pemain ogong	125
5.23	Susunan celempong pada karya Senayong, Satu-satu, Duo-duo, Tak tuntung panjang, dan Tak tuntung pendek	128
5.24	Susunan celempong pada karya Tigo-tigo dan Ontak kudo	129
6.1	Prosesi penyambutan tetamu yang dihormati	204
6.2	Kolaborasi instrumen celempong dan <i>ghembang</i> dengan instrumen muzik moden	206
6.3	Kolaborasi gondang burogong dengan instrumen muzik dan vokal	207
6.4	Suasana temu bual dengan informan Pak Cik Taslim	213
6.5	Pencak silat dengan iringan gondang burogong	216
6.6	Prosesi penyambutan pengantin lelaki	218
6.7	Kolaborasi gondang burogong dengan pelbagai instrumen muzik lainnya	225



SENARAI NOTASI

Nombor Notasi	Muka Surat
5.1 <i>Scale</i> celempong bermula dari nada terendah	127
5.2 Jenjang nada (<i>scale</i>) celempong pada karya Senayong, Satu-satu, Duo-duo, Tak tuntung panjang, dan Tak tuntung pendek	127
5.3 Jenjang nada (<i>scale</i>) celempong pada karya Tigo-tigo dan Ontak kudo	128
5.4 Skor penuh karya Senayong	132
5.5 Bentuk motif, submotif, dan subfrasa pertama karya Senayong	137
5.6 Bentuk motif, submotif, dan subfrasa kedua karya Senayong	138
5.7 Bentuk motif, submotif, dan subfrasa ketiga karya Senayong	138
5.8 Bentuk satu periode dalam karya Senayong	140
5.9 Batasan motif melodi pertama dalam bentuk pengulangan	142
5.10 Batasan motif melodi kedua dalam bentuk pengulangan	143
5.11 Batasan motif melodi ketiga dalam bentuk pengulangan	143
5.12 Batasan motif melodi pertama, kedua, dan ketiga dalam bentuk perubahan kontur submotif	144
5.13 Batasan frasa melodi dalam bentuk penutup atau akhiran	145
5.14 Bahagian pembuka (<i>introduction</i>) pada karya Senayong	149
5.15 Nada Bb dimainkan pada ketukan yang berbeza	150
5.16 Relasi ritma celempong pelalu dan peningkah	153
5.17 Relasi melodi celempong pelalu dan peningkah	154
5.18 Desain ritma motif melodi celempong	154
5.19 Kontur motif melodi pertama dari karya Senayong	155





5.20	Kontur motif melodi kedua dari karya Senayong	157
5.21	Kontur motif melodi ketiga dari karya Senayong	158
5.22	Posisi metrik pada motif melodi pertama	162
5.23	Posisi metrik pada motif melodi kedua	162
5.24	Posisi metrik pada motif melodi ketiga	162
5.25	Aspek frekuensi pada motif melodi pertama	164
5.26	Aspek frekuensi pada motif melodi kedua	164
5.27	Aspek frekuensi pada motif melodi ketiga	164
5.28	Aspek wilayah kontur pada motif melodi pertama	165
5.29	Aspek wilayah kontur pada motif melodi kedua	166
5.30	Aspek wilayah kontur pada motif melodi ketiga	166
5.31	Aspek <i>step progression</i> pada motif melodi pertama	167
5.32	Aspek <i>step progression</i> pada motif melodi kedua	167
5.33	Aspek <i>step progression</i> pada motif melodi ketiga	168
5.34	Hubungan harmoni pada motif melodi pertama	171
5.35	Hubungan harmoni pada motif melodi kedua	173
5.36	Hubungan harmoni pada motif melodi ketiga	175
5.37	Melodi pembuka celempong pelalu	182
5.38	Motif celempong peningkah	183
5.39	Pola permainan rentak bertingkah alat muzik celempong	184
5.40	Motif gondang pelalu	186
5.41	Motif gondang peningkah	186
5.42	Pola permainan rentak bertingkah alat muzik gondang	188
5.43	Motif alat muzik ogong	189
5.44	Pola permainan rentak bertingkah pada semua alat muzik	193



6.1	Pola ritma pertama ogong untuk pemberitahuan dan menyeru	222
6.2	Pola ritma kedua ogong untuk pemberitahuan dan menyeru	222
6.3	Pola ritma ketiga ogong untuk pemberitahuan dan menyeru	222
6.4	Pola melodi alat muzik celempung untuk memulakan sesuatu karya	224
6.5	Pola melodi alat muzik celempung untuk mengakhiri suatu karya	224
6.6	Pola melodi alat muzik celempung untuk mengawali dan mengakhiri dalam suatu periode karya Senayong	224
6.7	Pola permainan <i>interlocking</i> , dan <i>ostinato</i> dalam karya Senayong pada gondang burogong	232



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahagian ini akan menerangkan pelbagai isu yang merangkumi bab pertama ini.

Antaranya ialah yang berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah

kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian.

Daripada setiap sub-bab sedia ada, ia mempunyai hubungan antara satu sama lainnya.

Oleh itu, diharap penjelasan yang terkandung dalam sub-bab ini dapat memberikan penjelasan yang konstruktif bagi bahagian pendahuluan ini.

Bahagian ini juga bermaksud untuk memberikan gambaran umum tentang fenomena kewujudan gondang burogong dalam masyarakat. Kes ini akan diuraikan dalam konteks apa yang telah dan atau sedang berlaku kepada gondang burogong dalam masyarakat yang memilikinya. Sehingga penjelasan setiap bahagian bab ini diharapkan dapat memberikan gambaran dan kefahaman yang jelas berkenaan dengan maksudnya. Akhir sekali, penerangan ini juga dapat menjelaskan kepada pembaca mengapa penyelidikan ini sangat penting untuk dilakukan.





1.2 Latar Belakang Kajian

Telah dipersetujui bersama bahawa seni muzik adalah bahagian daripada ranah kebudayaan, seperti seni lain. Oleh itu, bagi setiap kelompok manusia di dunia ini, kewujudan muzik adalah realiti yang tidak dapat dinafikan lagi. Ia telah berkembang mengikut perkembangan dalam masyarakat. Adakalanya ia dibentuk, tetapi adakalanya pula ianya boleh membentuk paradigma yang ada dalam masyarakat. Sumbangan muzik kepada masyarakat juga amat nyata dalam menyokong pelbagai aktiviti kebudayaan lain, baik yang bersifat primer (penting) atau sekunder (pelengkap). Ini bermakna kewujudan seni muzik telah memberikan sumbangan yang sangat nyata dan jelas kepada kelestarian sesuatu budaya itu sendiri.



sekaligus menjadi subjek dari penyelidikan ini, juga mengalami fenomena yang sama kepada masyarakat penyokongnya. Keberadaan gondang burogong ini sudah lama terintegrasi ke dalam pelbagai aktiviti budaya lain. Antara kegiatan tersebut adalah kenduri perkahwinan, berkhatan, mandi belimau, penyambutan tetamu kehormatan, upacara pemberian gelar adat, pembukaan gelanggang silat, dan kegiatan seni budaya lain-lain.

Untuk pengenalan awal, berikut juga penerangan ringkas berkenaan gondang burogong dari sudut instrumentasinya. Dengan tujuan agar para pembaca dapat melihat sedikit pandangan tentang apa itu gondang burogong. Walau bagaimanapun, untuk penjelasan yang lebih komprehensif, ia akan diterangkan dalam bahagian perbincangan berkaitan isu organologi. Secara khusus, pelbagai perkara akan



dibincangkan daripada tiga jenis alat muzik tradisional gondang burogong ini. Berikut dijelaskan secara ringkas gondang burogong dalam bentuk asalnya.

Gondang burogong menggunakan alat muzik celempong, gondang dan ogong. Celempong dan ogong adalah alat muzik yang diperbuat dari logam,¹ manakala gondang ialah alat muzik yang diperbuat dari kulit, biasanya memakai kulit kambing betina.² Dalam gondang burogong yang ada di Pasir Pengaraian, jumlah alat muzik celempong yang digunakan ialah sebanyak enam unit, alat muzik gondang dua unit dan alat muzik ogong satu unit. Cara bermain alat muzik celempong, gondang maupun ogong dilakukan dengan cara dipukul sama ada dengan menggunakan tangan atau apa yang disebut dengan *penokok*. *Penokok* dalam hal ini ada yang terbuat dari kayu untuk *penokok* alat muzik celempong dan ogong, dan rotan untuk *penokok* alat muzik gondang.

Jumlah pemain gondang burogong ini terdiri daripada lima orang yang dibahagikan lagi mengikut peranan masing-masing iaitu, dua orang bermain celempong, dua orang lagi bermain gondang. Sebutan untuk dua orang pemain baik itu pada alat muzik celempong ataupun gondang, dipanggil dengan pemain pelalu dan pemain peningkah. Oleh itu, baik alat muzik celempong atau gondang, tidak boleh dimainkan oleh seorang, sama ada pemain pelalu ataupun peningkah sahaja. Ini disebabkan kedua-dua alat muzik ini mempunyai corak permainan rentak bertingkah.³ Manakala alat muzik ogong pula, hanya dimainkan oleh seorang sahaja. Mengingat

¹ Pelbagai penjelasan yang berkaitan dengan organologi dari gondang burogong ini, secara terperinci akan dibahas dalam bab temuan penyelidikan iaitu BAB V.

² Alat muzik ini termasuk ke dalam kelompok alat muzik *membranophone*, di mana sumber bunyinya adalah dari kulit.

³ Perkara ini akan dihuraikan pada bahagian perbahasan analisis muzik (teks muzikal) dan makna simbolik (konteks muzikal).



bahawa alat muzik ogong dalam bentuk asli gondang burogong ini, ia hanya terdiri daripada satu unit sahaja tanpa adanya corak permainan rentak bertingkah.

Penyebaran muzik sejenis gondang burogong ini, selain di Pasir Pengaraian, juga terdapat di pelbagai kawasan lain yang ada di wilayah Provinsi Riau. Contohnya, di daerah Kampar, Kuantan Singingi, Rokan Hilir, Siak Sri Indrapura dan Pelalawan, genre muzik ini juga telah menjadi seni muzik tradisional tempatan. Namun tentunya dengan sebutan ataupun nama yang sedikit berbeza mengikut dialek tempatan. Tidak hanya di Provinsi Riau sahaja, muzik tradisional seperti ini juga terdapat di beberapa provinsi khususnya yang ada di pulau Sumatera, antara lain Provinsi Sumatera Barat, Palembang, Jambi, dan Bengkulu.



Dalam penyelidikan ini, perkara yang akan dibincangkan adalah berkaitan

dengan gondang burogong yang ada di Pasir Pengaraian, Kabupaten Rokan Hulu, Provinsi Riau-Indonesia. Tematik dari penyelidikan ini adalah ditinjau dari sudut pandang atau pendekatan etnomuzikologi. Seperti yang dijelaskan Nettl, bahawa ranah kerja ahli etnomuzikologi itu di satu pihak dijalankan oleh muzikolog yang mengkaji muzik-muzik eksotik, manakala di sisi lain ia juga dijalankan oleh ahli antropologi yang juga lebih mengkaji aspek muziknya selain daripada aspek budaya manusianya (Nettl, 1964, pp. 1-2). Intipati dari penjelasan ini adalah masih lagi pada aspek muzikalnya yang lebih dititikberatkan daripada kajiannya.

Sedangkan isu yang menjadi fokus penyelidikan ini adalah berkaitan dengan teks dan konteks muzikal daripada gondang burogong. Ini bermakna, perbincangan akan bertumpu kepada dua perkara iaitu mengkaji berkaitan muzik itu sendiri serta





mengkaji perkara yang wujud di luar muzik tersebut. Bagi kajian ini, aspek konteks muzikalnya adalah berkaitan dengan isu makna. Dalam perbincangan itu nanti juga akan dikukuhkan lagi daripada masalah makna yang wujud dalam masyarakat terhadap gondang burogong.

Adalah suatu kenyataan sebenarnya isu makna tersebut serta merta hadir dalam masyarakat sebagai pemilik di mana seni itu wujud. Gondang burogong, secara sedar atau tidak, telah memberikan ataupun diberikan makna oleh masyarakat penyokongnya. Bermula dari proses memaknai, selanjutnya gondang burogong tersebut dapat difungsikan di pelbagai kegiatan seni budaya, baik peranannya sebagai yang utama atau sebagai pendukung. Kaemmer juga menjelaskan, “*However, people not only give meaning to music, they also use music to convey meanings*” (Kaemmer, 1993, p. 108). Nampak jelas, bahawa selain dari memberikan makna, masyarakat juga menggunakan muzik sebagai medium untuk menyampaikan makna. Ini bermakna, persoalan makna merupakan perkara penting sama ada untuk dimiliki atau difahami oleh masyarakat demi kewujudan dan kelestarian seni muzik itu sendiri.

Meskipun memaknai muzik itu lazimnya merupakan persepsi individu, namun pada akhirnya bila dapat dipersetujui, ia akan menjadi milik masyarakat secara kolektif. Kesepakatan bersama masyarakatlah yang dapat memberikan motivasi kemunculan kreasi-kreasi baharu demi kewujudan dan kelestarian muzik ini. Hal ini juga dinyatakan oleh Kaemmer, sekiranya perkongsian makna muzik diterapkan dalam sesebuah kelompok masyarakat, ia akan dapat memberikan motivasi untuk melaksanakan pelbagai aktiviti muzik lainnya (Kaemmer, 1993, p. 109).





Berhubungan dengan muzik, Kaemmer turut menyatakan bahawa makna dalam muzik itu terdiri daripada tiga bentuk. Pertama iaitu makna simbolik, dalam erti kata muzik adalah representasi dari sesuatu (*what music says*). Makna yang kedua ialah makna estetik, yang bertentangan daripada makna simbolik. Di mana muzik tidak merupakan representasi dari sesuatu, atau ianya bersifat absolut (*what music is*). Manakala yang ketiga iaitu makna pragmatik, dalam erti kata muzik digunakan untuk mendapatkan pelbagai keuntungan. Makna pragmatik lebih menumpukan pada apa yang dilakukan oleh muzik (*what music does*). Sehingga akhirnya, Kaemmer menambahkan, makna pragmatik muzik tersebut lebih menjurus kepada *adaptive culture* berbanding *expressive culture* (Kaemmer, 1993, p. 109).

Apabila dikaitkan dengan gondang burogong, jelas terlihat ianya menjadi simbol masyarakat Rokan Hulu di mana sahaja mereka berada. Hal ini dapat dijelaskan dengan keberadaan masyarakat Rokan Hulu yang sudah berpindah dari tempat asalnya, namun gondang burogong ini tetap menjadi prioriti atau keutamaan untuk dibawa ke tempat baharu mereka. Sementara itu, seni lain, misalkan sahaja tradisi lisan *koba*, tidak selalu ada atau tidak menjadi keutamaan untuk dibawa ke tempat baharu. Ini bermakna, kewujudan gondang burogong bagi masyarakat Rokan Hulu, adalah menjadi penting sebagai representasi makna simbolik bagi identiti budaya mereka.

Begitu juga dengan representasi makna estetik, gondang burogong telah digunakan oleh pengkarya untuk menyampaikan makna-makna estetik melalui kreasi-kreasi baharu. Lazimnya hal ini dilakukan dalam kegiatan di luar dari kegiatan adat. Contohnya sahaja dalam kegiatan pertandingan muzik tradisional, rakaman dan



sebagainya. Manakala gondang burogong sebagai representasi makna pragmatik, kebanyakannya dilakukan dalam bentuk hiburan sahaja.

Memandang pentingnya isu makna gondang burogong ini, sama ada untuk diketahui atau difahami oleh masyarakat yang memilikinya dan penyokongnya, maka diperlukan penyelidikan yang bersungguh-sungguh. Sehingga kewujudan seni muzik tradisional ini dapat memberikan rangsangan, seterusnya memberikan impak bagi perkembangan serta pelestarian gondang burogong pada masa hadapan.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Kekurangan pelbagai kajian mendalam tentang gondang burogong ini sebagai bahasannya, merupakan masalah yang perlu diambil kira. Bagi tujuan penyelidikan ini, terdapat sekurang-kurangnya tiga artikel berkaitan gondang burogong yang telah diterbitkan dalam pelbagai jurnal.⁴ Daripada ketiga-tiga artikel tersebut dapat dijelaskan masalah utamanya iaitu, fokus kajian tidak dihuraikan sebagaimana yang sepatutnya. Justeru penjelasan panjang lebar dibuatkan terhadap persoalan yang tidak menjadi fokus utama kajian. Selain itu, terdapat banyak kenyataan yang masih perlu diklarifikasi kesahihannya. Dengan demikian, penyelidik beranggapan masih diperlukannya suatu penyelidikan berkaitan gondang burogong ini yang lebih bersungguh-sungguh.

⁴ Huraian yang berkaitan ketiga-tiga artikel ini akan disampaikan pada bahagian Tinjauan Literatur.



Bagi menjelaskan pernyataan masalah dalam gondang burogong ini, akan dihuraikan dari segi makna simbolik, makna estetik dan makna pragmatik seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Gondang burogong sebagai representasi makna simbolik, dapat dilihat pada kehadirannya dalam masyarakat, baik yang masih berada di Rokan Hulu atau yang sudah berpindah ke tempat lainnya. Gondang burogong telah dan kekal sebagai simbol identiti di mana sahaja mereka berada.

Manifestasi simbol ini juga dapat dilihat dalam pelbagai aktiviti adat dan budaya, di mana gondang burogong masih berfungsi seperti sedia ada. Contohnya, ini boleh dilihat dalam majlis perkahwinan, berkhatan, mandi belimau, penyambutan tetamu kehormatan, dan sebagainya. Dalam konteks ini, kewujudan gondang burogong merupakan simbol yang mustahak hadir dalam aktiviti adat dan budaya ini.



Sebaliknya, kewujudan gondang burogong sebagai representasi makna simbolik turut menghadapi cabaran daripada adanya fenomena globalisasi. Hilangnya keaslian dan munculnya sikap acuh tak acuh daripada masyarakat, adalah impak dari fenomena ini. Tetapi sudah tentu ini adalah fenomena biasa yang berlaku dalam kebanyakan muzik tradisional sedia ada. Ini bermakna, gondang burogong juga mendapatkan resistensi atau perlawanan dalam fungsinya sebagai representasi makna simbolik. Dalam konteks inilah kajian yang lebih menyeluruh diperlukan untuk menghuraikan *bargaining position* gondang burogong sebagai representasi makna simbolik dari masyarakat yang memilikinya. Realiti menunjukkan, dalam situasi dan kondisi semasa kewujudan gondang burogong masih tetap ada dan diperlukan oleh masyarakatnya.



Tambahan pula, gondang burogong juga digunakan dalam konteks representasi makna estetik. Hal ini dapat dilihat dalam kegiatan yang tidak bertemakan isu adat dan budaya. Contohnya pada “Festival Muzik Tradisional Melayu Riau 2018” tajaan Pejabat Pelancongan Wilayah Riau di Anjung Seni Idrus Tintin Pekanbaru, Riau. Dalam aktiviti ini, gondang burogong dipersembahkan dalam bentuk kemasan yang berbeza apabila ianya dipersembahkan dalam kegiatan adat dan budaya. Karya yang dimainkanpun tidak lagi menggunakan karya-karya yang telah ada sebelumnya, melainkan karya-karya dalam bentuk ciptaan baharu. Kadangkala menambahkan beberapa alat muzik di luar yang lazim digunakan pada kegiatan adat dan budaya seperti biasanya. Maksudnya, dalam konteks ini gondang burogong lebih berfungsi untuk pencapaian estetika. Meskipun kewujudan gondang burogong dalam kegiatan ini, juga tidak terlepas daripada makna simbolik masyarakat Rokan Hulu.

Dalam konteks representasi makna estetik ini juga dapat dilihat terdapat inovasi yang dibuat oleh pelaku gondang burogong ini. Contohnya dalam bentuk karya-karya yang diciptakan, bentuk persembahannya dan juga alat muzik yang digunakan. Salah satu inovasi yang dilakukan adalah dalam bentuk kolaborasi alat muzik atau menambah alat muzik seperti akordion, biola, cello, gendang bebano, tambur dan sebagainya. Alat muzik tambahan ini sesungguhnya bukanlah alat muzik yang lazim digunakan pada kumpulan gondang burogong dalam bentuk asalnya. Tentulah inovasi ini muncul daripada motivasi yang sebelumnya dilakukan oleh proses memaknai orientasi dari sesuatu kegiatan. Dalam hal ini, Kaemmer menyatakan bahawa perubahan kepada muzik boleh berlaku pada aspek muzik, makna, kebolegunaan dan fungsinya (Kaemmer, 1993, p. 174). Kewujudan gondang

burogong dalam keadaan sekarang, dilihat daripada beberapa kegiatan sedia ada, juga berada pada situasi ataupun posisi untuk pencapaian estetika yang dimaksudkan.

Begitu juga halnya dengan gondang burogong sebagai representasi makna pragmatis yang tujuannya adalah dapat memberikan pelbagai manfaat. Salah satu di antara keuntungan tersebut iaitu dari aspek kewangan. Sehubungan itu, gondang burogong juga digunakan dalam pelbagai acara seperti yang telah dijelaskan pada kegiatan yang berada dalam posisinya sebagai representasi makna simbolik atau representasi makna estetik. Lazimnya acara hanya untuk hiburan sahaja dengan memainkan karya, sama ada dalam bentuk karya-karya baharu atau karya-karya yang baku. Pengertian gondang burogong di sini lebih kepada representasi makna pragmatik yang berorientasikan untuk mendapatkan pelbagai keuntungan.

Daripada ketiga makna yang telah diuraikan di atas, dua makna terakhir iaitu makna estetik dan makna pragmatik, dalam tujuan kajian kali ini tidak akan dijadikan rumusan masalah. Ini bermakna tidak akan ada perbincangan mengenai perkara ini. Namun, kedua-dua perkara ini perlu disampaikan sekurang-kurangnya dapat dijadikan sebagai kefahaman bersama untuk melihat permasalahan makna yang ada hubungkaitnya dengan muzik tradisional gondang burogong di Pasir Pengaraian Rokan Hulu. Sehingga nantinya boleh memberikan laluan kepada penyelidik berikutnya untuk melakukan kajian yang berkaitan dengan perkara ini.

Meskipun juga terdapat pendapat lain yang menyatakan bahawa huraian berkaitan aspek analisis muzikal (teks muzikal) itu boleh juga dianggap sebagai penjelasan makna estetik. Namun dalam konteks penyelidikan ini, penyelidik



beranggapan bahawa makna estetik adalah berkaitan dengan aspek luaran atau ekstra muzikal atau konteks muzikal. Sementara itu, dari aspek analisis muzik, penyelidik masih menganggap ini termasuk dalam ruang lingkup teks muzikal. Itulah sebabnya dalam rumusan masalah yang berkaitan dengan analisis muzik ia kekal sebagai analisis teks muzikal.

Berikut dijelaskan pula fungsi gondang burogong berhubung dengan persoalan makna seperti yang telah dijelaskan sebelumnya. Merriam mencadangkan terdapat sepuluh fungsi muzik yang berlaku dalam masyarakat. Namun dalam penyelidikan ini, hanya sedikit sahaja yang diambil yang dianggap selaras dengan tiga persoalan makna di atas. Antara fungsi tersebut iaitu fungsi sebagai representasi simbolik, fungsi sebagai kesenangan estetik, fungsi sebagai hiburan.



Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, gondang burogong telah menjadi simbol kepada masyarakat Rokan Hulu di mana sahaja mereka berada. Ini dapat dilihat apabila mereka mengadakan berbagai acara, lazimnya gondang burogong sentiasa ada menyertai kegiatan tersebut. Kewujudan gondang burogong itu telah memberikan pertanda bahawa masyarakat Melayu Rokan Hulu sedang menyelenggarakan sesuatu majlis kenduri. Begitu juga dengan fungsi kesenangan estetik, gondang burogong telah digunakan secara khusus oleh pelakunya untuk menyampaikan idea-idea kreatif mereka. Dalam kes ini, perwujudannya adalah dalam bentuk karya-karya baharu. Sementara itu, fungsi gondang burogong sebagai hiburan, juga dapat dilihat pada majlis yang tidak bersifat sakral dan menyambut hari-hari kebesaran. Bila diteliti dari penjelasan ringkas tentang fungsi gondang burogong ini, fungsi ini sebenarnya adalah fungsi muzik dalam peranannya sebagai kesinambungan





dan kestabilan sesuatu budaya (Merriam, 1964, p. 225). Pada prinsipnya, bila disemak penjelasan di atas, hubungan antara makna dan fungsi dapat dirasakan sebagai terjalin antara satu sama lain. Oleh itu, apabila membincangkan makna, secara tersirat keberadaan sesuatu fungsi sukar untuk diabaikan, begitu juga sebaliknya.

Berbalik kepada persoalan makna, maka daripada penjelasan di atas dapatlah disemak bahawa dari aspek makna terdapat tiga pernyataan masalah yang ada berkaitan dengan gondang burogong ini. Tiga perkara tersebut ialah makna simbolik, makna estetik dan makna pragmatik. Namun perlu ditegaskan lagi, bagi tujuan penyelidikan ini dengan mengambil kira pelbagai perkara sedia ada, termasuklah data yang diperoleh di lapangan yang kurang memungkinkan untuk membincangkan ketiga-tiga makna ini, maka fokus perbahasan akan tertumpu sahaja pada makna



simbolik.

1.4 Soalan Kajian

Memerhatikan huraian pernyataan masalah penyelidikan di atas, sebenarnya terdapat banyak perkara yang boleh dijadikan soalan kajian dalam penyelidikan ini. Terutama sekali dalam konteks perbincangan berkaitan makna sepertimana terdapat tiga perkara yang boleh dipersoalkan, antaranya iaitu makna simbolik, makna estetik, dan makna pragmatik. Sepertimana ketiga-tiga perkara ini nyatanya juga terdapat dalam keberadaan gondang burogong itu sendiri dalam masyarakatnya. Maksudnya iaitu secara bersamaan ketiga-tiga hal ini juga menjadi bahagian penting bagi keberadaan gondang burogong tersebut dalam masyarakat pemiliknya. Namun setelah melalui



pelbagai pertimbangan, antaranya adalah persoalan waktu yang tidak memungkinkan, terhadapnya informan yang ada untuk menjelaskan perkara tersebut, dan lain sebagainya. Oleh itu, persoalan kajian berkaitan gondang burogong ini hanya akan dibincangkan dari dua perspektif seperti berikut:

1. Bagaimanakah analisis muzik (teks muzikal) pada kumpulan gondang burogong Kelinco dalam masyarakat Pasir Pengaraian, Kabupaten Rokan Hulu, Provinsi Riau?
2. Bagaimanakah makna simbolik (konteks muzikal) gondang burogong dalam masyarakat Pasir Pengaraian, Kabupaten Rokan Hulu, Provinsi Riau?

Memerhatikan pula persoalan penyelidikan yang dikemukakan di atas, maka tujuan dari kajian ini dapat pula dirumuskan seperti berikut:

1. Mengenal pasti analisis muzik (teks muzikal) dalam kumpulan gondang burogong Kelinco dalam masyarakat Pasir Pengaraian, Kabupaten Rokan Hulu, Provinsi Riau.
2. Mengenal pasti makna simbolik (konteks muzikal) gondang burogong dalam masyarakat Pasir Pengaraian, Kabupaten Rokan Hulu, Provinsi Riau.



1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan beberapa penjelasan sebelum ini, penyelidikan ini diharapkan dapat memperkaya literatur kajian etnomuzikologi, khususnya yang membincangkan persoalan muzik Melayu. Kurangnya penyelidikan berkaitan muzik tradisional Melayu Riau, adalah suatu fakta yang tak boleh dibiarkan begitu sahaja. Perkara ini akan memberi kesan terhadap kewujudan dan kelestarian dari *local genius* ini. Justeru, melalui penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi langkah konkrit dalam menjaga literasi berkaitan dengan kearifan lokal ini.

Selain itu, penyelidikan ini juga diharapkan dapat menjadi sokongan kepada penyelidikan selanjutnya yang berkaitan dengan *subject matter* gondang burogong.

Akhir sekali, diharapkan penyelidikan ini juga dapat menambah pengetahuan serta pemahaman bagi masyarakat pelaku atau pemilik gondang burogong ini terhadap semua perkara yang berkenaan dengan analisis muzik dan makna, khususnya makna simbolik. Tanpa disedari, gondang burogong sebenarnya telahpun berkontribusi dalam memberikan identiti yang telah melekat pada masyarakat Rokan Hulu pada amnya. Sehingga nantinya keberadaan gondang burogong, baik dari aspek kualiti atau kuantiti, sentiasa terpelihara sebagaimana mestinya.

1.7 Batasan Kajian

Dalam penyelidikan ini, hakikat dari kajiannya adalah berkaitan dengan teks muzikal yang berkaitan dengan analisis muzikologi. Dalam bahagian ini, akan dijelaskan





bagaimana karya Senayong sebagai sampel dari penyelidikan ini dianalisis dengan menggunakan pelbagai teori, yang lazimnya digunakan untuk menganalisis sesebuah karya muzik. Aspek-aspek yang akan dianalisis dari perspektif muzikologi merangkumi aspek bentuk muzik, aspek melodi, aspek ritma, aspek timbre, dan lain-lain perkara yang dianggap perlu dalam penyelidikan ini. Selain itu, satu unsur muzikal iaitu unsur harmoni akan dibincangkan dalam kajian ini. Walaupun perbincangan berkenaan dengan harmoni ini tidaklah terlalu terperinci boleh dilakukan, tentunya atas sebab-sebab yang akan dijelaskan dalam bahagian perbincangan nanti.

Selain itu, kajian ini juga akan membincangkan konteks muzikal yang berkaitan dengan isu makna dalam gondang burogong pada masyarakat Pasir Pengaraian. Makna yang dimaksudkan ialah dalam konteks representasi makna simbolik dari gondang burogong. Makna simbolik ini akan dihuraikan semula dalam beberapa bahagian dengan menggunakan pelbagai variabel. Antara variabel tersebut adalah variabel alat muzik yang digunakan, variabel fungsinya dengan aktiviti seni budaya yang lain, variabel makna denotatif, dan variabel makna konotatif.

Skop kawasan dari penyelidikan ini hanya berfokus pada masyarakat yang berada di kawasan Pasir Pengaraian, Kabupaten Rokan Hulu, Provinsi Riau sahaja. Ini disebabkan luasnya rentang wilayah dari Kabupaten Rokan Hulu, sehinggalah tidak memungkinkan untuk dilakukan suatu penyelidikan yang boleh melibatkan semua kawasan sedia ada. Selain itu, banyaknya kumpulan gondang burogong yang ada di kawasan Rokan Hulu tersebut juga tidak memungkinkan ia dikaji secara menyeluruh dalam rumusan masalah yang sama.

